

29 FEB 1996

Salleh-Pindaan

PINDAAN PERLEMBAGAAN SABAH TIDAK BERTENTANGAN DENGAN PERJANJIAN MALAYSIA

PASIR MAS, 29 Feb (Bernama) -- Cadangan pindaan Perlembagaan Negeri Sabah tidak sama sekali melanggar semangat penubuhan Malaysia bahkan ia bertujuan menguatkan lagi sistem dan tanggungjawab bersama memajukan Sabah, kata Ketua Menterinya, Datuk Mohamad Salleh Tun Said.

Oleh itu, beliau menasihatkan Parti Bersatu Sabah (PBS) supaya bersabar dan meneliti terlebih dahulu isi kandungan pindaan yang akan dibuat itu sebelum mengambil sebarang langkah mengenainya.

Dua hari lepas, Presiden PBS Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan mendakwa pindaan itu bertentangan dengan semangat perjanjian Malaysia dan beliau mengancam akan membawa kes itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) jika langkah membuat pindaan itu diteruskan.

Ketika bercakap kepada pemberita pada majlis sambutan Aidilfitri anjuran UMNO Bahagian Pasir Mas di sini hari ini Salleh berkata pindaan yang dicadangkan itu sekadar menentukan sebuah kerajaan yang bersih, cekap serta amanah dan "bukan sebuah kerajaan yang hanya Ketua Menterinya boleh menggunakan kuasanya dengan sewenang-wenangnya."

Beliau berkata pindaan itu lebih menitikberatkan kepada kelulusan lesen konsesi balak serta tanah yang perlu dirujuk kepada jemaah menteri terlebih dahulu.

"Bidang-bidang lain terutama imigresen dan kerajaan tempatan masih dikekalkan seperti biasa," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diminta memberi pendapatnya manakala peguam negeri Sabah diarah berbincang dan bekerjasama dengan peguam persekutuan untuk membuat perbandingan dengan perlembagaan negeri-negeri lain.

Rakyat Sabah juga akan diberi penjelasan supaya mereka tidak keliru dengan dakwah yang disampaikan oleh parti pembangkang yang lebih mementingkan politik semata-mata, kata Salleh.

Beliau juga menafikan desas desus kononnya pilihan raya negeri Sabah akan diadakan selepas pindaan perlembagaan itu dibuat.

"Soal itu tidak timbul sama sekali memandangkan tempoh pilihan raya yang wajib diadakan di Sabah masih panjang, tambahan pula tiada krisis besar yang berlkau," katanya. -- BERNAMA

WM MAI